

18 MAY 1996

Razaleigh-UMNO

RAZALEIGH KATA RUNDINGAN DENGAN DR MAHATHIR BELUM SELESAI

KOTA BAHARU, 18 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah membayangkan mengenai pertemuan selanjutnya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan soal perpaduan Melayu.

Katanya, rundingan yang telah diadakan itu belum selesai dan berharap dapat disambung selepas Perdana Menteri pulang dari lawatan ke luar negara.

Ketika berucap pada majlis memperingati ulang tahun penubuhan Umno anjuran S46 Kelantan di Tumpat malam tadi, Tengku Razaleigh meminta para anggota parti berdoa agar pertemuan itu menghasilkan kebaikan.

Dr Mahathir berlepas ke Amerika Syarikat dari Jepun petang ini selepas melakukan lawatan kerja enam hari ke "Negara Matahari Terbit" itu.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, dan Tengku Razaleigh telah mengadakan dua pertemuan dalam masa tujuh minggu lepas. Mereka juga bertemu sekejap selepas majlis pembukaan Konvensyen Ulang Tahun Umno ke-50 di ibu negara Sabtu lepas apabila Tengku Razaleigh mengucapkan terima kasih kepada Umno kerana mengundang S46 untuk acara itu.

Hasil daripada pertemuan yang telah diadakan, Tengku Razaleigh berkata S46 dan Umno bersetuju mengadakan kerjasama dan jika ada "kemesraan", usaha meningkatkan hubungan boleh dilakukan.

Beliau hairan mengapa Pas menentang dan melemparkan pelbagai tuduhan terhadap langkah S46 bekerjasama dengan Umno sedangkan pimpinan Pas pusat telah dimaklumkan dari awal mengenai perkara itu.

Tengku Razaleigh meminta pemimpin Pas terutama Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya tidak bersikap sombong setelah berjaya membentuk kerajaan negeri dengan pertolongan S46.

Beliau juga membidas tindakan Pas yang membuat kecaman terbuka kononnya pentadbiran negeri ini tidak dapat berjalan dengan licin kerana ada campur tangan pihak istana.

Menurutnya, ketika mereka dititah berjumpa Sultan di istana satu ketika dulu, Nik Aziz telah meminta beliau dan Sultan membantu menarik pelabur ke Kelantan kerana kononnya kerajaan pusat menyekat pelaburan ke negeri ini setelah Angkatan Perpaduan Ummah memenangi pilihan raya 1990.

"Sekarang apabila para pelabur datang, dia pula yang marah-marah...apa pelaburan yang dia sendiri bawa masuk sejak memerintah?" tanya beliau. --
BERNAMA

AZZ NMO